

# **JIHAD : KONSEP SERTA KAITANNYA DENGAN KEHIDUPAN MAYARAKAT MADANI DARI SUDUT EKONOMI,POLITIK DAN SOSIAL**

**RASID MUHAMAD**  
Unit Pendidikan Islam,  
UiTM Cawangan Pahang,  
26400, Jengka Pahang Darul Makmur.

## **ABSTRAK**

Kertas ini cuba untuk menjelaskan konsep jihad,menurut pandangan Islam, serta kaitannya dengan masyarakat madani. Ianya juga akan menggabungjalinkan konsep tersebut dengan bidang kehidupan utama masyarakat iaitu,ekonomi,politik dan sosial .

## **PENGENALAN**

Jihad merupakan satu istilah yang sakral, kudus dan suci, yang mempunyai kedudukan dan tempat yang istimewa dalam sistem Islam yang tulen. Oleh itu, untuk memadankan atau menyesuaikan konsep jihad dengan gandingan yang lain, mestilah dilakukan secara berhemat, kerana jika lau tidak dilakukan sedemikian ditakuti akan menzalimi istilah jihad tersebut. Ini tidak bermaksud persoalan jihad itu tidak boleh digandingkan dengan unsur yang lain . Yang pentingnya, unsur yang digandingkan dengan jihad itu perlu menyesuaikan dirinya dengan semangat jihad itu, bukan sebaliknya. Jikalau ini dapat dilakukan, pastilah semangat jihad itu akan melatari seluruh aspek penting kehidupan dan kegiatan ummah.

## **MAKNA JIHAD**

Jihad bersumberkan kata dasar yang bermaksud "bersungguh-sungguh" dalam melaknakan sesuatu.Menurut M .Quraish Shihab (1996), perkatan jihad itu berasal dari perkataan *jahd* yang bererti "letih dan sukar", menakala Ibnu Faris , dalam bukunya *al-Mu'jam Al-Miqayias al-Lughah* , jihad berasal dari kata *ja-ha-da*, membawa maksud *kesulitan*,atau *kesukaran* dan makna yang mirip dengannya. Di dalam al-Quraan, terdapat sebanyak empat puluh satu kali perulangan perkataan yang berkaitan dengan jihad dalam pelbagai bentuk. Ianya sudah cukup untuk menegaskan peripentingnya jihad dalam kehidupan umat Islam.

Jelasnya,jihad adalah cara untuk mencapai tujuan yang suci dan murni. Jihad tidak mengenal putus asa,menyerah kalah, dan kelesuan . Jihad harus datang dari modal keikhlasan untuk meraih keredaan Allah, yang direlisasikan dengan menggunakan seluruh upaya dan tenaga untuk tujuan menegakkan kalimah Allah yang mulia itu di muka bumiAllah ini.

Oleh itu, adalah satu yang kurang tepat mengaitkan jihad itu dengan tindakan yang tidak bermatlamatkan untuk mendaulatkan kalimah Allah, dan segala usaha yang tidak bersandarkan kepada nilai dan prinsip yang ditentukan oleh syarak. Apatah lagi mengaitkan jihad dengan usaha-usaha yang secara jelasnya menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar.

## MASYARAKAT MADANI

"Mayarakat Madani" sebagai satu konsep merupakan satu istilah yang "baru". walaupun menangat atau unsur "madani" itu telah lama diamalkan, misalnya sejak kedatangan Islam ke dunia Melayu. Begitu juga dengan istilah "Melayu Baru", bukanlah satu istilah yang "baru", kerana Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas, sejak tahun 1972 lagi telah mengaitkan unsur baharu itu terhadap Melayu dan Alam Melayu dengan pengaruh dan unsur Islam melalui bukunya *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu* (1972). Nyatahalah, "*masyarakat madani*", '*Melayu Baru*', dan istilah-istilah yang seumpamanya bukanlah istilah baru pada hakikatnya, tetapi telah diamalkan secara amalinya. Penggunaan istilah itu sejak akhir-akhir ini, persis membebi nafas baru kepada lagu-lagu lama dan dinyanyikan pula oleh mereka yang baru, cantik, popular, dan tidak lebih dari itu!.

Menurut Prof Syed Muhammad Naquib al-Attas, (1977), istilah madani itu berasal dari perkataan "*din*" yang membuaikan perkataan "*madinah*" dan "*tamadun*", yang sekarang ini disebut sebagai masyarakat madani. Mayarakat madani tersebut merujuk kepada:

*"keadaan kehidupan insan yang mencapai taraf kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakatnya"* (al-Attas, 1977 :7)

Nyatahalah , bahawa masyarakat madani itu merujuk kepada mesyarakat yang berpaksikan kepada agama. Ini ditegaskan oleh Siddiq Fadhil (1988) yang mendefinisikan Melayu Baru yang berkaitan langsung dan melatari masyarakat madani itu sebagai:

*"Melayu yang mengalami tajdid, pembaharuan komitment, kefahaman, serta penghayatannya terhadap Islam. Nilai-nilai Islam yang mendasari pembinaan budaya dan wajah Melayu Baru itu akan menjadikan mereka umat yang benar-benar kompeten dalam menghadapi cabaran abad 21"*

Dalam menjelaskan masyarakat madani Prof Syed Muhammad Naquib al-Attas (1998), menyatakan persoalan diri (insan) itu perlu diletakkan di tempat yang sewajarnya, iaitu di tempat yang mengakui keesaan Allah, dan bukan diri haiwan yang cenderung kepada perkara-perkara kehaiwanan sahaja. Apabila diri telah diletakkan di tempat yang sebenar, bererti ia berada di tempat yang tenang, barulah juga keadaannya tenang dalam masyarakat. Dengan cara yang sama, begitulah juga kita mesti meletakkan setiap perkara pada tempat yang sepatutnya, seperti bidang bahasa misalnya, setiap perkataan mesti kena pada tempatnya, kalau tidak akan berlakulah kacau bilau dan begitu juga dengan alam sekitar , kita tidak boleh berbuat sesuka hati.

Nyatahalah masyarakat madani ialah masyarakat yang bertamduan yang dibentuk melalui semangat agama Islam dalam seluruh bidang kehidupan. Dr Wan Hashim Wan Teh (2001), menyatakan masyarakat madani itu mempunyai tamadun tinggi, yang mencirikan beberapa ciri yang ketara, antaranya:

1. Sistem sosialnya yang berlandaskan prinsip moral yang menjamin keseimbangan antara kebebasan perseorangan dengan kestabilan masyarakat. Masyarakat yang mendorong daya usaha serta inisiatif individu baik dari segi pemikiran, seni, ekonomi, dan teknologi.

1. Sistem pemerintahan atau organisasi berkerajaan yang seharusnya meletakkan kepentingan masyarakat massa dan kebaikan mereka, serta wujudnya suara ramai sebagai penentu dalam menggubal sesuatu dasar.
2. Selain pemerintahan yang demokratis dan telus, usaha pembasmian kemiskinan dan agihan yang adil harus dijadikan salah satu pengukur dan ciri penting masyarakat madani.
3. Tidak kurang penting juga ialah peggayatan yang menyeluruh terhadap ajaran Islam bagi umat Islam dan sistem etika dan moral yang berkaitan dengannya bagi masyarakat bukan Islam.
4. Pemupukan yang berterusan untuk mencintai ilmu pengetahuan bagi mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.
5. Masyarakat penyayang menerusi pengukuhan institusi keluarga dan peningkatan integrasi sosial.
6. Masyarakat yang mempunyai ketinggian bahasa dan budaya.
7. Masyarakat yang menjaga alam sekitar dan menganggapnya sebagai sahabat.
8. Masyarakat yang mempunyai sistem pertahanan yang mantap.
9. Pimpinan yang beretika dan bermoral yang berlandaskan kepada sifat-sifat keimanan, kesetiaan, kejujuran, keadilan, keberanahan, keterbukaan dan kebijaksanaan.
10. Masyarakat yang mengiktiraf golongan ilmuan (ulama) dan cendekiawan. Ilmuan seperti yang disebut oleh Seodjatmoko sebagai "golongan yang terdiri perasaannya melihat realiti masyarakatnya. Ia berperanan sebagai pendorong kesedaran dan keinsafan, pencetus pemikiran-pemikiran dan arah baru mayarakat serta pembawa perubahan untuk mengangkat martabat bangsa dan tanah air"

Pandangan pemikir dan cendekiawan di atas tentang masyarakat madani ada kesamaannya dengan ciri masyarakat madani yang diutarakan oleh Prof. Dr Muhammad Kamal Hassan (1998) yang antara lainnya menghuraikan ciri-ciri:

1. Pemerintah yang mendaulatkan keadilan dan dasar-dasar egalitarianisme
2. Berakhlak mulia, beradab, sopan dan berbudi bahasa. Nilai-nilai etika amat disanjungi.
3. Melambangkan penaapaian ilmu pengetahuan dan teknologi berdasarkan tradisi ilmu bersepada antara naqli dan akli dan penghormatan kepada para ilmuan.
4. Menghormat undang-undang sebagai satu cara hidup.
5. Menghayati disiplin diri secara kolektif bukan takut kepada kuasa undang-undang, kerana ia memberi rasa kepuasan dalaman.
6. Kepakaan tentang tanggungjawab sosial dirasai secara meluas oleh semua golongan professional, korporat, perniagaan, pentadbir, cendekiawan, dan badan-badan bukan kerajaan,
7. Kekuasaan tidak dimonopoli oleh satu golongan atasan tetapi dibahagi-bahagi secara saksama dan decentralized.
8. Kebebasan bersuara dan perbezaan pendapat dihormati dan dilindungi. Ini termasuklah hak untuk mengkritik pemerintahan dengan cara adil.
9. Memberi layanan yang baik kepada golongan tua, miskin, cacat anggota dan kurang upaya.
10. Nilai-nilai agama samawi menjadi asas kehidupan bermasyarakat dan diintegrasikan dalam semua kegiatan dunia.
11. Mengenali sejarah bangsa dan negara, dan tahu berhutang budi kepada orang yang berjasa dalam sejarah.
12. Kebersihan dan amalan kebersihan sudah menjadi cara hidup keluarga, komuniti dan negara.

13. Kepimpinan yang bertaualadan dan cemerlang dalam pengurusan dan pemerintahan.
14. Penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar diberi perhatian yang serius.
15. Kehidupan seni dan budaya, termasuk sukan yang serasi dengan nilai-nilai agama dan kemanusiaan yang luhur.
16. Wujudnya budaya parti politik yang bersih, bermoral, bertanggungjawab kepada rakyat, bekerjasama dalam perkara-perkara yang dipersetujui bersama, dan berlapang dada terhadap perbezaaan pendapat dan pendekatan.
17. Wujudnya teknologi maklumat dan media massa (cetak dan elektronik) yang mendokong nilai-nilai kebenaran, keindahan, ketinggian budi, pendidikan dan ilmu pengetahuan.

Ringkasnya, masyarakat madani bukanlah konsep yang "mudah", tetapi sesuatu yang kompleks yang merangkumi seluruh dimensi kehidupan, yang bernaafaskan nilai dan prinsip agama, yang mampu membawa kebahagiaan hakiki kepada manusia di dunia dan di akhirat.

### **JIHAD DALAM BIDANG YANG STRATEGIK**

Jihad dalam konsep yang tepat dan benar perlu ada dan dihayati dalam seluruh bidang kehidupan, terutama bidang yang dianggap strategik. Di antara bidang yang dianggap penting dan strategik ialah bidang ekonomi, politik dan sosial. Oleh itu semangat jihad tersebut perlu disuburkan dalam kehidupan seorang muslim

#### **Jihad dalam bidang Ekonomi**

Jihad masyarakat madani dalam konteks ekonomi harus dilihat dalam pelbagai dimensi. Perkara utama dalam bidang ini ialah perubahan paradigma dalam melihat pembangunan dan ekonomi agar ialah dilihat dan diletakkan berdasarkan perspektif yang benar dan tepat. Pembangunan seperti yang diungkapkan oleh Prof Syed Naquib al-Attas (2001) sebagai "gerak daya menuju ka arah dasar Islam yang tulen". Oleh itu pembangunan dan ekonomi harus selari dan bernaafaskan hasrat tersebut.

Pembangunan dan peroalan ekonomi yang bersifat multi-dimensi, yang bukan hanya melihat persoalan kebendaan semata-mata, tetapi lebih dari itu. Pembangunan yang diambil oleh Anwar Ibrahim (1997:112) sebagai "ekonomi manusawi, iaitu pembangunan bersepadu dan seimbang, iaitu pembangunan yang berpandukan prinsip akhlak dan keperihatinan sosial, ekonomi yang dibangunkan di atas asas konsep insan sebagai makhluk rohaniah dan bermoral"

Ekonomi yang sedemikian bertunjangkan kepada prinsip-prinsip *tauhid, rububiyyah, khilafah* dan *tazkiyah* seperti yang disarankan dan disepakati oleh ramai sarjana dan pemikir Islam. Prinsip-prinsip ini akan mewarnai pembangunan dan kegiatan ekonomi umat, seperti yang disarankan oleh Prof Dr Muhammad Kamal Hassan (1988) yang mencirikan:

1. Pembangunan peribadi (insan) dan keupayaan manusia
2. Mengembangkan pengeluaran yang berguna dan bermanfaat
3. Pembangunan ke arah peningkatan kualiti hidup.
4. Pembangunan yang seimbang
5. Pembangunan yang memanfaatkan teknologi baru yang positif

6. Pembangunan ke arah pengurangan pergantungan negara kepada dunia luar dan integrasi yang lebih di kalangan dunia umat Islam.

Jihad dalam bidang pembangunan ekonomi, melibatkan juga pelbagai unsur seperti yang disarankan oleh Ishak Shaari (1993) yang antara lainya melibatkan:

1. Ekonomi yang bersifat pelbagai, serta seimbang yang mempunyai sektor industri yang matang, dengan asasnya yang luas dan kukuh, mempunyai sektor pertanian yang moden dan mantap, selain sektor perkhidmatan yang cekap dan mantap, selain kurang matangnya;
2. Ekonomi yang tangkas, berdikari atas kekutan sendiri, mampu melakukan penyesuaian yang segera terhadap pola-pola pengeluaran, permintaan mahupun persaingan yang sentiasa berubah;
3. Ekonomi yang cekap teknologinya, yang mampu melakukan penyesuaian, pembaharuan dan pencapaian yang semakin meningkat penerapan teknologinya, dan bergerak ka arah usaha meningkatkan teknologi yang semakin lama, semakin canggih;
4. Ekonomi yang mempunyai jaringan industri yang mantap lagi tersepadu serta meliputi keseluruhan sistemnya.
5. Ekonomi yang digerakkan oleh tenaga otak, kemahiran dan kesungguhan, memiliki satu khazanah maklumat dan mempunyai pengetahuan tentang apa yang hendak dilakukan serta bagaimana melukannya.
6. Ekonomi yang mempunyai daya pengeluaran yang tinggi, dan terus meningkat dalam semua bidang faktor pengeluarannya.
7. Ekonomi keusahawanan yang bersifat berdikari, terbuka dan berdaya usaha.
8. Ekonomi yang ditunjangi dengan etika kerja yang unggul, kepekaan akan mutu, dan keghairahan tarhadap kecemerlangan.
9. Ekonomi yang didirikan dengan kadar inflasi yang rendah serta kos hidup yang juga rendah.
10. Ekonomi yang dikawal oleh disiplin yang mantap dan tatacara aturan kuasa-kuasa pasaran.

Jelaslah, jihad dalam bidang ekonomi, amat luas bermula dengan meletakkan pembangunan dan ekonomi dalam kerangka pemikiran yang tepat yang sewajarnya, selari dan bertinjangan nilai dan prinsip Islam. Ianya juga merujuk kepada pembangunan ekonomi yang tangkas dan mampu bersaing dalam seluruh sektor yang strategik. Di samping menekankan pengagihan yang adil dan saksama, khususnya dalam menangani realiti masyarakat Malaysia yang serba majmuk ini.

### **Jihad Dalam Bidang Politik**

Salah satu cabang jihad yang penting dalam kehidupan umat ialah dalam bidang politik. Perkara ini penting kerana politik merupakan satu aspek penting dan amat mempengaruhi kehidupan. Aspek politik yang penting ini termasuklah usaha bagi memastikan kekuasaan dan dominasi umat dalam bidang ini bukan hanya dipertahankan malah diperkuuhkan. Hal ini kerana, sejarah membuktikan, umat Islam akan tertindas dan tidak dilayan secara adil jika lau mereka menjadi masyarakat "yang diperintah". Justru umat Islam harus mengekalkan statusnya sebagai pemerintah.

Di samping, usaha yang ikhlas dan bersungguh disuburkan,bagi mempestikan budaya politik yang lebih bersih dan bermaruah dapat dipertahankan. Dengan cara itu juga citra dan watak politik akan sejajar dengan saranan al-Mawardi (1983:5) yang menyatakan bahawa "politik" itu sebagai "mendirikan agama dan mentadbir dunia dengannya (agama)",dapat direalisasikan.

Jihad dalam pilitik juga merujuk kepada usaha ke arah menghayati nilai-nilai dan prinsip dalam kehidupan berpolitik. Di antara yang menjadi fokus dalam aspek ini termasuklah:

1. Membentuk mayarakat demokrasi yang mengutamakan karamah insaniah, menghayati prinsip dan semangat syura dalam membuat keputusan, berlandaskan prinsip akhlak dan hukum bukannya nafsu, di samping menghidupkan semangat kebebasan, kemerdekaan diri, mengembalikan nilai kemanusiaan, dan menyegar sikap berlapang dada (Anwar Ibrahim,1977:46-48).
2. Membentuk politik bersih, iaitu dari sudut matlamat, sistem dan corak dalam kegiatannya. Dengan cara ini, kegiatan berpolitik akan menjadi sebahagian dari penghayatan ibadat atau pengabdian kepada Allah. Politik bersih juga melibatkan aspek pemilihan pemimpin, yang bukan hanya bersih tetapi perlu nampak sebagai bersih. Pemilihan harus berdasarkan ciri-ciri yang baik menurut Islam dan dipilih menurut cara yang juga bersih. (Abdul Ghafar Hj Don,2000:228-230)
3. Membantuk politik yang bertunjangkan keadilan dan mempertahankan keadilan yang amat diutamakan Islam itu. Dalam merealisasikan keadilan Islam ini, sistem politik hendaklah
  - o Melaksanakan dan berjalannya aspirasi syariah dalam semua bidang dengan peringkat masyarakat.
  - o Melaksanakan prinsip-prinzip Islam secara menyeluruh dalam bidang yang lainnya.
4. Membentuk amalan politik sebagai satu amanah, bukan ghanimah. Amalan politik sebegini akan mempertingkatkan akauntibiliti mereka yang terlibat dalam politik yang bukan hanya merujuk kepada ketua atau pemerintah,tetapi kepada Allah, Tuhan kepada ketua atau pemerintah tersebut.
5. Membentuk amalan politik yang tidak membebankan rakyat, ini termasuklah:
  - Mempestikan keperluan asas rakyat seperti makan minum,pakaian rumah terjamin.
  - Menjamin semua rakyat mendapat pendidikan secara wajar dan adil
  - Melatih rakyat rakyat berdikari agar mereka tidak mengemis dan merempat.
  - Memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan seperti golongan yang melarat,ibu tunggal, orang cacat,orang tua dan sebagainya.
  - Menjamin keselamatan semua rakyat.
  - Tidak membebangkan rakyat dengan cukai yang tidak sepatutnya

Jelaslah bahawa jihad dalam politik ini bukan hanya menentukan dominasi umat dikekalkan dan dipertahankan, tetapi tidak kurang pentingnya ialah penghayatan prinsip dan nilai Islam perlu direalisasikan dalam kegiatan berpolitik umat.

## Sosial

Jihad juga perlu dihayati dalam bidang sosial. Jihad dalam bidang ini dapat dalam pelbagai bentuk dan dimensi. Di antara yang pentingnya termasuklah:

- Mengukuhkan akhlak masyarakat agar dapat menjadi individu yang mantap jatidiri dan mampu menghadapi cabaran zaman yang kian mencabar. Dengan itu, warga negara yang dilahirkan akan menjadi aset negara bukan liabiliti (tanggungan), yang mampu menyumbang ka arah kemajuan masyarakat dan negara.
- Mengukuhkan institusi kekeluargaan, agar keluarga dapat berfungsi sebagai institusi masyarakat yang penting. Institusi keluarga seharusnya berperanan sebagai penaung dan penyubur nilai yang baik dalam masyarakat. Setiap anggota dalam institusi ini mampu melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah, berkesan dan ikhlas.
- Institusi masjid perlu dipulihkan peranan dan fungsinya sebagaimana peranannya di zaman keagungan Islam. Masjid harus berperanan sebagai pusat ibadat, budaya dan perpaduan ummah. Oleh itu masjid perlu dijadikan pusat yang bebas sejajar dengan sifat dan namanya sebagai "rumah Allah". Masjid perlu diimarahkan dengan kegiatan yang dapat mempertingkatkan kualiti ummah.
- Institusi kejiranan juga perlu dikukuhkan. Dengan cara itu, perpaduan ummah dapat dimantapkan, di samping dapat juga mengukuhkan kualiti umat.
- Budaya penyayang perlu disuburkan. Ini termasuklah meningkatkan kepedulian sosial dalam masyarakat dengan memberi perhatian kepada mereka yang melerat dan memerlukan bantuan dan perhatian. Ia sewajarnya dilaksanakan dengan perancangan yang rapi, berkesinambungan, agar kegiatan yang dilaksanakan itu benar-benar berkesan.
- Dakwah perlu disuburkan dalam masyarakat. Kegiatan dakwah yang sihat perlu digalakkan. Dengan cara itu nilai-nilai negatif dalam masyarakat dapat dibendung, dan nilai-nilai positif dapat disubur dan dikembangbiakkan.
- Masyarakat juga perlu dipupuk dengan nilai-nilai yang positif, misalnya menghayati budaya ilmu, hormat menghormati, menjaga akhlak dan maruah. Untuk tujuan itu, media massa sama ada media cetak maupun elektronik perlu berperanan dengan lebih bertanggungjawab agar mereka dapat menyuburkan nilai yang baik, dan bukan bertindak sebaliknya.
- Institusi pendidikan perlu berperanan dengan berkesan agar mampu melahirkan manusia yang benar-benar berkualiti dan berakhlik mulia yang dapat berperanan dalam membangunkan masyarakat dan negara.

Terlalu banayak perkara dalam bidang sosial ini yang perlu diberikan perhatian. Semangat jihad perlu dipupuk agar status sosial umat dapat ditingkatkan dan sekaligus dapat membendung gejala sosial yang negatif dalam masyarakat dari terus berkembang.

## PENGAKHIRAN

Jihad adalah satu keperluan dan sewajarnya dihayati oleh masyarakat Islam, khususnya dalam usaha untuk merealisasikan masyarakat madani. Ianya bermula dengan kefahaman yang jeles terhadap Islam, dan menghayatinya dengan penuh keikhlasan. Dengan itu, tentunya akan membawa semangat jihad yang tepat dan tulen. Jikalau semangat jihad sedemikian dihayati, maruah dan kualiti ummah dapat dipertingkatkan dalam erti kata yang sebenar-benarnya.

## RUJUKAN

Al-Mawardi, 1983, *al-Ahkam al-Sultaniyah*, Mesir, Dar al-Fikr.

Ahmad Redzwan Mohd Yunus, 2000, *Dakwah Gerakan Islam Alaf Baru*, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Anwar Ibrahim, 1997, *Gelombang Kebangkitan Asia*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail Hussein, 2001, *Tamadun Melayu Menyongsong Abad Kedua Puluh Satu*. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kamaruddin Jaafar dan Hazami Habib, 1993, *Wawasan 2020*, Kuala Lumpur, Institut Kajian Dasar.

M. Quraish Shihab, 1996, *Wawasan al-Quran*, Bandung, Penerbit Mizan.

Minds, 1998, *Masyarakat Madani : Satu Tinjauan Awal*. Ampang, MINDS.

Muhammad Kamal Hassan, 1992, "Pembinaan Bangsa Malaysia Yang Berperadaban Tinggi Dalam Sebuah Negara Maju" dalam *Kongres Menjelang Abad 21 : Islam Dan Wawasan 2020*, Kuala Lumpur, IKIM.

Muhammad Kamal Hassan, 1988, *Pendidikan Dan Pembangunan : Satu Perspektif Bersepadu*, Kuala Lumpur, Nufrin Enterprise.

Muhammad Pisol Mat Isa, 2001, *Jihad Dalam Politik*, Bahau, M.Khai Enterprise.

Rasid Muhamad, 1996, *Matra Tamadun Islam*, Kuala Lumpur, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Rasid Muhamad, 1993, *Tamadun Islam : Konsep, Pengaruh dan Masa Depan*, Ipoh, Arena Ilmu Sdn. Bhd.

Siddiq Fadil, 1998, *Minda Melayu Baru*, Kuala Lumpur, Instiut Kajian Dasar (IKD).

Syed Muhammad Baquib al-Attas, 2001, *Risalah Untuk Kaum Muslimin*, Kuala Lumpur, ISTAC.

Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1972, *Islam Dalam Sejarah Dan kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur, Universiti Kebangsaan Malaysia,

Universiti Malaya, 2001, *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*, Kuala Malaya.